

Ismail Sabri tiba di Vietnam untuk lawatan rasmi 2 hari

Hanoi: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di sini, semalam untuk lawatan rasmi dua hari ke Vietnam, lawatan sulungnya selaku Perdana Menteri, yang akan menyaksikan kedua-dua negara saling bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Ismail Sabri yang menaiki pesawat dari Kuala Lumpur, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Hanoi di sini pada jam 1.45 tengah hari (2.45 petang waktu Malaysia) dan disambut Pengerusi Kerajaan Vietnam, Tran Van Son selaku menteri pengiring, selain Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah dan beberapa pegawai kanan.

Sejurus tiba, beliau akan mengadakan pertemuan dengan beberapa syarikat Vietnam yang mempunyai kepentingan di Malaysia dan yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka di negara kita, termasuk dalam bidang pelaburan. Selepas itu, beliau dijadualkan bertemu Keluarga Malaysia yang berada di Hanoi.

Pada hari kedua hari ini, majlis sambutan rasmi akan diadakan di Istana Presiden Vietnam, diikuti sesi bergambar Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Vietnam. Kedua-dua pemimpin kemudian akan mengadakan perbincangan dan diikuti sesi pertukaran dokumen sebelum majlis



Ismail Sabri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Hanoi, semalam untuk lawatan rasmi dua hari ke Vietnam.

(Foto Ihsan PMO)

makan tengah hari.

Dokumen itu adalah memorandum persefahaman (MoU) berhubung perundangan, MoU berkaitan kerjasama perburuhan, surat niat di antara institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara Malaysia dengan Akademi Diplomasi Vietnam

serta pertukaran dokumen di antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Agensi Berita Vietnam (VNA).

Perdana Menteri juga dijangka membuat kunjungan hormat ke atas Presiden Vietnam, Nguyen Xuan Phuc, diikuti

kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong dan kemudian bertemu Pengerusi Dewan Rakyat (Chairman of the National Assembly), Vuong Dinh Hue sebelum berlepas pulang ke Malaysia pagi esok. BERNAMA